

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Kerajaan tunjuk komitmen berterusan untuk kukuhkan kedudukan fiskal

Kerajaan tunjuk komitmen berterusan untuk kukuhkan kedudukan fiskal

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka berupaya untuk membiayai inisiatif di bawah Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat seperti elaun penjawat awam dan kredit e-tunai disokong kemajuan dalam ruang fiskal susulan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

MIDF Research dalam nota penyelidikan berkata, naratif ekonomi yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu itu dilihat menetapkan matlamat dan sasaran yang jelas untuk negara.

Malah katanya jika dilakukan dengan betul, potensi pertumbuhan Malaysia boleh menjadi lebih tinggi berbanding purata pertumbuhan 4.7 peratus sejak 1998.

"Kami menjangkakan pengumuman rancangan pembangunan lain, termasuk semakan pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Belanjawan 2024 akan mengasimilasikan aspirasi dan sasaran yang sama seperti yang digariskan dalam pelan hala tuju Ekonomi Madani," katanya.

Mengulas lanjut, MIDF Research berkata, kerajaan menunjukkan komitmen berterusan untuk kukuhkan kedudukan fiskal serta kepentingan meningkatkan perkhidmatan awam.

Ia berkata, selain mengulangi komitmen untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau lebih rendah dari semasa ke semasa, Ekonomi Madani akan melihat untuk menambah baik pengurusan subsidi termasuk pengendalian skim subsidi bersasar.

"Dari sudut kemampuan fiskal, rasionalisasi subsidi akan meringankan beban fiskal dan paling penting memastikan semua subsidi disalurkan kepada mereka yang memerlukan," katanya.